



PPM-004-10-22022020

PERSATUAN INSPIRASI MUALLAF

ئۇرۇساتۇۋاد اېنەشۇپىرسىدە مواللىف

PENGENALAN



Setelah lebih 6 tahun bergerak sebagai Inspirasi Muallaf, akhirnya pada 22 Februari 2020 secara rasminya Persatuan Inspirasi Muallaf ditubuhkan. Masih lagi mengekalkan aktiviti seperti membantu dan menjaga kebajikan asnaf muallaf, fakir miskin dan juga ibu tunggal dan jumlah mereka bertambah dibawah Persatuan Inspirasi Muallaf (PIM) ini. Bermula dengan hanya 50 orang, ianya makin bertambah menjadi 2500 orang atau lebih.

Bantuan yang diberikan ini bukan hanya terhad kepada mereka yang tinggal disekitar lembah kelang dan negeri Selangor, malah ianya merangkumi mereka yang tinggal diluar Selangor iaitu, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu sehinggalah ke Sabah dan Sarawak. Setiap hari PIM menerima kes secara puratanya minimum 5 kes.

PIM menumpukan bantuan seperti kebajikan yang mana memberikan bantuan seperti makanan asas, pakaian dan juga tempat tinggal. Pada Ogos 2019, PIM telah membuka rumah perlindungan sementara yang terletak di Sabak Bernam untuk penempatan muallaf iaitu OKU dan warga emas yang tidak mempunyai tempat tinggal.

PIM juga sangat aktif berdakwah dan menjalankan program-program berbentuk ilmu, ceramah motivasi dan juga membantu pengislaman kepada mereka yang mahu memeluk Islam. Sehingga kini hampir setiap hari PIM menerima pertanyaan tentang Islam daripada Non Muslim dan juga daripada mereka yang mahu mengucapkan kalimah syahadah.




Visi

- ✓ Kebajikan dijaga, Pembangunan dipastikan, Dakwah dan Pengislaman sentiasa seiring.

Misi

- ✓ Melatih Asnaf supaya lebih memahami akan erti 'survival' dalam kehidupan
- ✓ Membentuk Asnaf agar lebih berdikari
- ✓ Membawa mereka mengenal Allah dan mempraktikan kehidupan lebih Islamik terutamanya untuk Muallaf
- ✓ Memastikan kebajikan mereka sentiasa terjaga
- ✓ Menggalakkan mereka untuk sama-sama membantu dan memastikan saudara asnaf tidak ketinggalan untuk mendapat bantuan.

- 
- ✓ **Bakul Kasih Ramadhan 2021 (2500 keluarga)**
 - ✓ Pek makanan asas
 - ✓ Duit raya untuk keluarga Asnaf dan kanak-kanak

- ✓ **Penempatan Asnaf**
 - ✓ Rumah Perlindungan (Sabak Bernam, Selangor)
 - ✓ Rumah Transit (U5 Shah Alam)

- ✓ **Kebajikan Muallaf**
 - ✓ Memberi bantuan kecemasan
 - ✓ Memberi barang keperluan dapur
 - ✓ Memberi bantuan jika ada kematian seperti proses pengebumian
 - ✓ Memberi bantuan pakaian
 - ✓ Membantu mencari tempat perlindungan sementara disamping mereka boleh menimba ilmu (Sebanyak 8000 isi rumah yang telah dibantu sejak Ogos 2021)

KEBAJIKAN

PEMBANGUNAN

The background of the slide is a composite image. On the left, there is a close-up of a modern building's facade with a series of lights. On the right, there is a night view of a mosque with two tall, illuminated minarets and a central dome, set against a dark blue sky. The entire image is partially obscured by a white diagonal shape that serves as a background for the text.

✓ Bengkel Kemahiran

- ✓ Kelas Memasak
- ✓ Kelas Menjahit
- ✓ Kelas Fotografi
- ✓ Kelas Komunikasi

✓ Latihan

- ✓ Rebuilding Your Success in Dunia Akhirat
- ✓ Mengenal Potensi Diri
- ✓ Public Speaking
- ✓ Kursus Keusahawanan



✓ **Kelas Bimbingan
Pengajian Asas Islam Muallaf
Fardu Ain**

Tahap 1
Tahap 2

✓ **Pengajian Lanjutan Islam
Akidah**

- Akhirat (Lanjutan)
- Pemahaman Syirik, Kufur, Munafiq, Mukmin
- Kebangkitan Semula

DAKWAH & PENGISLAMAMAN

- ✓ **Feqah**
 - Muamalat
 - Jenayat

- ✓ **Al Quran**
 - Surah Lazim
 - Latihan Bacaan Tahlil

- ✓ **Kursus Tambahan**
 - Kursus Pengurusan Jenazah
 - Kursus Sembelihan
 - Latihan Dakwah

**DAKWAH &
PENGISLAMAMAN**



PROGRAM DAKWAH



- ✓ **CEO of Dakwah**
 - Idea program dicetuskan oleh pengasas
 - Disampaikan melalui ceramah-ceramah
 - Seramai 101 orang telah berjaya memeluk agama Islam
- ✓ **Ask Me About Islam**
 - Diperkenalkan pada akhir tahun 2019
 - Seramai 50 orang telah berjaya di Islamkan
- ✓ **Ambassador Of Islam**
 - Diperkenalkan pada Januari 2020
 - Seramai 8 orang telah berjaya di Islamkan

PROGRAM DAKWAH



- ✓ **Jumlah Pengislaman**
 - Semenjak tahun 2015-2022, seramai 362 orang telah diislamkan
- ✓ **Ziarah Ukhwah**
 - Menziarahi dari rumah ke rumah saudara baru
 - Memastikan kefahaman mereka tentang Islam
 - Menggalakkan mereka untuk terus menghadiri kelas
- ✓ **Ceramah Motivasi di Masjid & Surau**
- ✓ **Memperkenalkan Digital Dakwah Platform**

SYAHADAH



ASNAF & FAKIR



OPRO AS 2020
20/11/2020 13:41

2020.11.14 08:13

LAIN-LAIN



Platform ini dikendalikan sepenuhnya oleh Inspirasi Muallaf Services. Ianya adalah bertujuan untuk membantu Persatuan Inspirasi Muallaf mempunyai dana yang berterusan kerana bantuan perlu disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Oleh itu, beberapa produk atas jenama Ambassador Of Islam akan diperkenalkan melalui platform ini. Antara produk-produk itu adalah seperti:-

- ✓ Ambassador Of Islam Kit
- ✓ T Shirt
- ✓ Cenderamata

E-COMMERCE



Kami juga turut membuka peluang terutamanya kepada Asnaf Muallaf dan Fakir Miskin untuk memasarkan produk mereka melalui platform ini. Kami turut bekerjasama dengan peniaga yang ingin memasarkan produk mereka menerusi platform E Commerce.

E-COMMERCE



SISTEM ZON

- ✓ PIM juga sudah mula meletakkan muallaf yang disantuni mengikut kategori yang dikenali sebagai sistem zon. Ianya dibahagi kepada 3 iaitu Zon Merah, Zon Kuning dan Zon Hijau. Mereka ini akan dibantu dari segi kebajikan, sara diri, tempat tinggal, bimbingan dan kelas agama.



SISTEM ZON

ZON MERAH

Mereka yang berada dalam zon ini adalah mereka yang tidak mempunyai pendapatan dan masih mencari cari untuk memahami tentang Islam. Mereka ini adalah yang hilang arah malah tidak tahu bagaimana mahu bangkit dalam hidup dan hanyalah bergantung kepada bantuan semata-mata. Bagi lelaki yang bujang dan tidak berkeluarga, mereka ini akan diletakkan di rumah transit yang disediakan. Mereka ini akan dipantau dari semasa ke semasa sehinggalah mereka memahami Islam yang sebenar dan mempraktikkannya seterusnya boleh berdikari.

01

ZON KUNING

Mereka ini ingin berusaha namun tidak tahu untuk memulakannya. Masih mengharapkan bantuan namun mahu berusaha. Mereka hadir ke kelas agama yang disediakan oleh jabatan agama namun masih tidak mempratikkan sepenuhnya. Masih memerlukan bimbingan dan juga memerlukan bantuan daripada segi pendapatan. Mereka ini akan dicarikan pekerjaan dengan kerjasama beberapa syarikat yang sudi bekerjasama dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

02

ZON HIJAU

Mereka ini hanya memerlukan kelas bimbingan terutamanya kelas agama. Mereka sudah mempunyai pendapatan sendiri dan kehidupan yang stabil. Tidak memerlukan bantuan daripada segi kewangan. Mereka hanya memerlukan kelas bimbingan terutamanya pemantapan akidah. Mereka ini sudah pun berdikari tanpa mengharapkan mana-mana bantuan.

03



SISTEM ZON



Kategori muallaf yang dikenal pasti

Mereka ini terbahagi dari 3 kategori:-

A.Kumpulan satu

- pendidikan tinggi
- berpendapatan tinggi
- ekonomi stabil
- suka mencari ilmu dan belajar

B.Kumpulan kedua

- hidup tidak mewah dan juga tidak susah
- mempunyai pendapatan yang cukup
- tidak konsisten dalam pembelajaran agama

C.Kumpulan ketiga

- mereka yang tidak berpendidikan tinggi
- masalah sosioekonomi yang mana persekitaran yang tidak membantu dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap
- mengikuti kelas hanya sekadar untuk mendapat elaun yang disediakan
- tidak mengamalkan kehidupan Islam yang betul

PERANCANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Setelah mengenalpasti kategori zon mereka, maka bantuan akan diberikan mengikut keperluan semasa yang mana kebajikan mereka sentiasa dijaga terutamanya yang berkaitan dengan keperluan asas.
- Keperluan untuk sara diri juga perlu dikenal pasti agar mereka tidak menjadikannya alasan untuk tidak menghadiri mana mana kelas yang disediakan.
- Keperluan yang paling utama adalah tempat tinggal kerana sebaik sahaja mereka mengucapkan kalimah syahadah maka ada pelbagai perkara berlaku termasuk kehilangan tempat tinggal atas sebab sebab seperti dihalau oleh keluarga, tidak mampu membayar sewa rumah kerana hilang pendapatan dan sebagainya.
- Mereka ini juga perlu dibimbing secara 'one to one approach' dan juga perlu dipastikan kehadiran mereka ke kelas kelas yang disediakan oleh pihak persatuan.
- Setelah masalah masalah yang dihadapi dapat diatasi, maka kehadiran mereka ke kelas agama akan menjadi lebih konsisten dan juga segala ilmu yang dipelajari akan meresap seterusnya dapat diamalkan dengan sebaik mungkin.





PPM-004-10-22022020

PERSATUAN INSPIRASI MUALLAF

قرساتواذ اینسپیراسی مواللف